

KENYATAAN MEDIA

HASiL

HASiL/2022/06/14 – 41

HASiL KESAN 31,598 ENTITI TIDAK BERDAFTAR ATAU TIDAK MELAPORKAN PENDAPATAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah mengesan sebanyak **31,598 entiti** yang terdiri daripada individu, perniagaan, syarikat dan lain-lain yang masih tidak melaporkan pendapatan sebenar kepada HASiL. Pengesahan entiti ini dibuat berdasarkan maklumat melalui pemilikan aset dan kemampuan entiti tersebut mengambil pinjaman/sekuriti melebihi RM500,000.00 dan ke atas.

Pecahan entiti yang telah dikesan adalah seperti yang berikut:

Entiti	Jumlah
Individu	23,751
Perniagaan, Syarikat dan lain-lain	7,847
Jumlah	31,598

*Sumber: Hasil risikan dan data-data lain milik pihak HASiL

Berdasarkan data berkenaan dan analisa yang dilakukan, amaun ketirisan cukai langsung yang dialami oleh negara dianggarkan bernilai **RM 665 juta**. Melihat kepada

nilai anggaran ketirisan ini, ia merupakan satu amaun yang signifikan dan mampu memberi impak negatif kepada kestabilan ekonomi negara jika ia tidak segera dibendung.

Oleh yang demikian, bagi melahirkan suatu ekosistem perculaian yang baik dan pematuhan cukai secara sukarela dapat ditingkatkan dalam kalangan masyarakat di Malaysia, HASiL memfokuskan usaha menangani isu ini melalui tiga pendekatan utama, iaitu Kesedaran (**A** – Awareness), Pendidikan (**E** – Education) dan Perkhidmatan (**S** – Services) atau ringkasnya **AES**. HASiL akan terus mengamalkan tiga pendekatan ini sebagai usaha untuk menunjukkan peranan HASiL sebenarnya adalah sebagai *facilitator of compliance* sekali gus menasihati **31,598 entiti khususnya 23,751 individu** yang dikesan ini untuk tampil **secara sukarela ke cawangan HASiL yang berhampiran dengan segera bagi mendaftar fail cukai dan melaporkan pendapatan yang sebenar.**

Bagi tujuan tersebut, tempoh masa yang diberikan kepada mereka untuk mengambil tindakan seperti yang dinasihatkan ialah selama **satu bulan** iaitu bermula dari **15 Jun 2022 sehingga 15 Julai 2022**.

Untuk makluman, setelah tempoh sebulan ini tamat, HASiL akan mengambil tindakan penguatkuasaan cukai seperti audit, siasatan sivil dan siasatan jenayah terhadap entiti dan individu berkenaan yang masih gagal patuh menghantar Borang Nyata Cukai (BNC) bagi sesuatu Tahun Taksiran, mengemukakan penyata yang salah, dan mengelakkan diri daripada dikenakan cukai. **Tindakan siasatan jenayah** akan memberi implikasi

pendakwaan di mahkamah. Ketidakpatuhan dan pelarian cukai ini dikenakan tindakan mengikut kesalahan di bawah Seksyen 112, 113 dan 114 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Sebagai maklumat tambahan, cukai pendapatan dikenakan terhadap setiap individu bagi pendapatan yang terakru atau terbit di Malaysia atau diterima di Malaysia dari luar Malaysia bagi setiap Tahun Taksiran. Seseorang individu yang mempunyai jumlah pendapatan melebihi nilai ambang yang ditetapkan, yang boleh dikenakan cukai perlu mendaftar fail cukai pendapatan. Orang ramai boleh melayari portal rasmi HASiL di www.hasil.gov.my bagi maklumat lanjut mengenai nilai ambang yang telah ditetapkan.

Skop pengenaan cukai seseorang individu adalah bergantung kepada taraf mastautinnya. Bagi individu yang menerima pendapatan penggajian tahunan melebihi RM 34,000 dan mempunyai Potongan Cukai Bulanan (PCB) adalah layak dikenakan cukai. Keuntungan yang diperolehi daripada menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian atau profesion juga merupakan pendapatan yang layak dikenakan cukai (termasuk sebarang bentuk perniagaan yang tidak berdaftar dengan mana-mana pihak berkuasa).

Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan perkara ini boleh dikemukakan kepada HASiL melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Customer Care Officer: 019-651 1100

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 14 Jun 2022

